



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

# K@MPoI

Kedah Academic Master Plan of Intervention

## MATEMATIK TAMBAHAN MODUL CEMERLANG

Jawapan  
Penuh



**AHLI PANEL**

**AZAMMER BIN AZIZAN**  
Penyelaras Modul

JPN KEDAH

**WAN MOHD SUHAIMI BIN WAN IBRAHIM**  
Penyelaras Modul

PPD KULIM BANDAR BAHARU

**MOHD FAKHRUL AZIZI BIN MOHD BAKRI**  
Ketua Panel

SMK AGAMA YAN

**HARIS FADZLI BIN AWANG**  
Editor

SMK IBRAHIM

- |                                     |                         |
|-------------------------------------|-------------------------|
| 1. AHMAD ZABIDI BIN ZULKIFLI        | SMK AGAMA JERLUN        |
| 2. SITI NURAZLINI BINTI MD YUSOFF   | SMKA BALING             |
| 3. 'ATIKAH BINTI MOHD KASSIM        | PPD KUALA MUDA YAN      |
| 4. NORAINI BINTI SALDAN             | PPD KUALA MUDA YAN      |
| 5. NUR AIMI SAFAWATI BINTI ZULKIFLI | SM SULTAN ABDUL HALIM   |
| 6. NOOR WATI BT ABDUL RAWI          | SMK TAMAN JELUTONG      |
| 7. YEOH YI PHING                    | SMJK KEAT HWA           |
| 8. FADHLINA BINTI MHD ZAKI          | SMK AGAMA JERLUN        |
| 9. AWANIS SUZANA BINTI ABDUL WAHAB  | SMK SIONG               |
| 10. NURAZNIZA BINTI MOHAMAD         | SMK KULIM               |
| 11. TAN HOCK LEE                    | SMK TUNKU ABD AZIZ      |
| 12. NAJWA BINTI ISHAK               | SMK TOBIAR              |
| 13. MUNIRA BINTI OMAR               | SMK LABU BESAR          |
| 14. WAN NORSITA BINTI WAN ZAKARIA   | SMK TUNKU TEMENGGUNG    |
| 15. SITI HAJAR BINTI JOHARI         | SMK DATUK SYED AHMAD    |
| 16. NUR SYIBRATUL AZNA ABDUL AZIZ   | SMK SULTAN BADLISHAH    |
| 17. NORHASHIMAH BT AHMAD KASIM      | SMS SULTAN MOHAMAD JIWA |

## KANDUNGAN

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.	FUNGSI <i>FUNCTIONS</i>	5
2.	FUNGSI KUADRATIK <i>QUADRATIC FUNCTIONS</i>	13
3.	SISTEM PERSAMAAN <i>SYSTEM OF EQUATIONS</i>	23
4.	INDEKS, SURD DAN LOGARITMA <i>INDICES, SURD AND LOGARITHM</i>	31
5.	JANJANG <i>PROGRESSION</i>	37
6.	HUKUM LINEAR <i>LINEAR LAW</i>	43
7.	GEOMETRI KOORDINAT <i>COORDINATES GEOMETRY</i>	53
8.	VEKTOR <i>VECTOR</i>	61
9.	PENYELESAIAN SEGI TIGA <i>SOLUTION OF THE TRIANGLE</i>	70
10.	NOMBOR INDEKS <i>INDEX NUMBER</i>	77
11.	SUKATAN MEMBULAT <i>CIRCULAR MEASURE</i>	86
12.	PEMBEZAAN <i>DIFFERENTIATION</i>	94
13.	PENGAMIRAN <i>INTEGRATION</i>	100
14.	PILIH ATUR DAN GABUNGAN <i>PERMUTATION AND COMBINATION</i>	105
15.	TABURAN KEBARANGKALIAN <i>PROBABILITY DISTRIBUTION</i>	114
16.	FUNGSI TRIGONOMETRI <i>TRIGONOMETRIC FUNCTIONS</i>	121
17.	PENGATURCARAAN LINEAR <i>LINEAR PROGRAMMING</i>	125
18.	KINEMATIK GERAKAN LINEAR <i>KINEMATICS OF LINEAR MOTION</i>	136
	JAWAPAN <i>ANSWER</i>	146
	JADUAL NORMAL PIAWAI HUJUNG ATAS <i>UPPER-TAIL NORMAL DISTRIBUTION TABLE</i>	162

## RUMUS / FORMULAE


1.  $x = \frac{-b \pm \sqrt{b^2 - 4ac}}{2a}$
2.  $a^m \times a^n = a^{m+n}$
3.  $a^m \div a^n = a^{m-n}$
4.  $(a^m)^n = a^{mn}$
5.  $\log_a mn = \log_a m + \log_a n$
6.  $\log_a \frac{m}{n} = \log_a m - \log_a n$
7.  $\log_a m^n = n \log_a m$
8.  $\log_a b = \frac{\log_c b}{\log_c a}$
9.  $T_n = a + (n-1)d$
10.  $S_n = \frac{n}{2}[2a + (n-1)d]$
11.  $T_n = ar^{n-1}$
12.  $S_n = \frac{a(r^n - 1)}{r - 1} = \frac{a(1 - r^n)}{1 - r}, r \neq 1$
13.  $S_\infty = \frac{a}{1 - r}, |r| < 1$
14.  $y = uv, \frac{dy}{dx} = u \frac{dv}{dx} + v \frac{du}{dx}$
15.  $y = \frac{u}{v}, \frac{dy}{dx} = \frac{v \frac{du}{dx} - u \frac{dv}{dx}}{v^2}$
16.  $\frac{dy}{dx} = \frac{dy}{du} \times \frac{du}{dx}$
17. Luas di bawah lengkung  
*Area under a curve*  
 $= \int_a^b y \, dx$  atau (or)  
 $= \int_a^b x \, dy$
18. Isi padu kisanan  
*Volume of revolution*  
 $= \int_a^b \pi y^2 \, dx$  atau (or)  
 $= \int_a^b \pi x^2 \, dy$
19.  $I = \frac{Q_1}{Q_0} \times 100$
20.  $\bar{I} = \frac{\sum W_i I_i}{\sum W_i}$
21.  ${}^n P_r = \frac{n!}{(n-r)!}$
22.  ${}^n C_r = \frac{n!}{(n-r)!r!}$
23.  $P(X = r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}, p + q = 1$
24. Min / Mean,  $\mu = np$
25.  $\sigma = \sqrt{npq}$
26.  $Z = \frac{x - \mu}{\sigma}$
27. Panjang lengkok,  $s = r\theta$   
*Arc length,  $s = r\theta$*
28. Luas sektor,  $L = \frac{1}{2} r^2 \theta$   
*Area of sector,  $A = \frac{1}{2} r^2 \theta$*
29.  $\sin^2 A + \cos^2 A = 1$   
 $\sin^2 A + \operatorname{cosec}^2 A = 1$
30.  $\operatorname{sek}^2 A = 1 + \tan^2 A$   
 $\operatorname{cosec}^2 A = 1 + \cot^2 A$
31.  $\operatorname{kosek}^2 A = 1 + \cot^2 A$   
 $\operatorname{cosec}^2 A = 1 + \cot^2 A$

32.  $\sin 2A = 2 \sin A \cos A$   
 $\sin 2A = 2 \sin A \cos A$
33.  $\cos 2A = \cos^2 A - \sin^2 A$   
 $= 2 \cos^2 A - 1$   
 $= 1 - 2 \sin^2 A$   
 $\cos 2A = \cos^2 A - \sin^2 A$   
 $= 2 \cos^2 A - 1$   
 $= 1 - 2 \sin^2 A$
34.  $\tan 2A = \frac{2 \tan A}{1 - \tan^2 A}$
35.  $\sin(A \pm B) = \sin A \cos B \pm \cos A \sin B$   
 $\sin(A \pm B) = \sin A \cos B \pm \cos A \sin B$
36.  $\cos(A \pm B) = \cos A \cos B \mp \sin A \sin B$   
 $\cos(A \pm B) = \cos A \cos B \mp \sin A \sin B$
37.  $\tan(A \pm B) = \frac{\tan A \pm \tan B}{1 \mp \tan A \tan B}$
38.  $\frac{a}{\sin A} = \frac{b}{\sin B} = \frac{c}{\sin C}$
39.  $a^2 = b^2 + c^2 - 2bc \cos A$   
 $a^2 = b^2 + c^2 - 2bc \cos A$
40. Area of triangle / Luas segi tiga  
 $= \frac{1}{2} ab \sin C$
41. Titik yang membahagi suatu tembereng garis  
 A point dividing a segment of a line  
 $(x, y) = \left( \frac{nx_1 + mx_2}{m+n}, \frac{ny_1 + my_2}{m+n} \right)$
42. Luas segi tiga / Area of triangle  
 $= \frac{1}{2} |(x_1 y_2 + x_2 y_3 + x_3 y_1) - (x_2 y_1 + x_3 y_2 + x_1 y_3)|$
43.  $|r| = \sqrt{x^2 + y^2}$
44.  $\hat{r} = \frac{x\hat{i} + y\hat{j}}{\sqrt{x^2 + y^2}}$

## FUNGSI / FUNCTIONS

1. Rajah 1 menunjukkan graf bagi fungsi  $f(x) = 3x - 2$  untuk  $-2 \leq x \leq 2$ . Titik  $P(-2, -8)$  dan  $Q(2, 4)$  terletak pada graf itu.

*Diagram 1 shows a graph of  $f(x) = 3x - 2$  for  $-2 \leq x \leq 2$ . Point  $P(-2, -8)$  and  $Q(2, 4)$  lie on that graph.*



Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Pada rajah yang sama, lakarkan graf bagi fungsi  $f^{-1}(x)$  dengan menunjukkan titik-titik yang sepadan dengan titik P dan Q.

*On the same diagram, sketch the graph of  $f^{-1}(x)$  by showing the points corresponding to point P and point Q.*

- (b) (i) Cari  $f^{-1}(x)$  dan seterusnya, tentusahkan bahawa  $f^{-1}(x)$  yang diperoleh ialah songsangan bagi  $f(x) = 3x - 2$ .

*Find  $f^{-1}(x)$  and hence, verify that  $f^{-1}(x)$  obtained is the inverse function of  $f(x) = 3x - 2$ .*

- (ii) Nyatakan domain bagi  $f^{-1}(x)$ ,

*State the domain of  $f^{-1}(x)$ ,*

- (iii) nilai  $x$  jika  $f^{-1}(x) = f(x)$ .


*the value of  $x$  if  $f^{-1}(x) = f(x)$ .*

[TP4/PL4]

[8 markah/marks]

2. Rajah 2 menunjukkan graf bagi fungsi  $f(x) = \sqrt{2x-3}$  untuk  $\frac{3}{2} \leq x \leq 6$ . Graf bagi fungsi  $g(x)$  adalah imej bagi  $f(x)$  di bawah pantulan pada garis  $f(x) = x$ .

Diagram 2 shows the graph of  $f(x) = \sqrt{2x-3}$  for  $\frac{3}{2} \leq x \leq 6$ . The graph of  $g(x)$  is the image of  $f(x)$  under the reflection of the line  $f(x) = x$ .



Rajah 2 / Diagram 2

Cari

Find

- fungsi  $g$ ,  
the function  $g$ ,
- domain dan julat bagi fungsi  $g$ ,  
the domain and range of function  $g$ ,
- $gf(3)$

[TP4/PL4]  
[5 markah/marks]

3. Diberi  $f(x) = |x^2 - 9|$  dan  $g(x) = 5$ .

Given that  $f(x) = |x^2 - 9|$  and  $g(x) = 5$ .

(a) Lakarkan graf bagi  $y = f(x)$  dan  $y = g(x)$  pada paksi-paksi yang sama bagi  $-4 \leq x \leq 4$ .

*Sketch the graphs of  $y = f(x)$  and  $y = g(x)$  on the same axes for  $-4 \leq x \leq 4$ .*

(b) Daripada graf, cari julat bagi nilai  $x$  dengan keadaan  $|x^2 - 9| - 5 < 0$ .


*From the graphs, find the range of values of  $x$  such that  $|x^2 - 9| - 5 < 0$ .*

[TP5/PL5]

[5 markah/ 5 marks]

4. Rajah 4 menunjukkan graf  $y = g(x)$  bagi domain  $-1 \leq x \leq 8$  dengan keadaan PQ dan QR adalah garis lurus.

*Diagram 4 shows graph of  $y = g(x)$  for domain  $-1 \leq x \leq 8$  such that PQ and QR are straight lines.*



Rajah 4 / Diagram 4

Cari

Find

(a) julat bagi fungsi  $g$ ,  
*range for function  $g$ ,*

(b)  $gg(2)$

(c) Pada rajah berasingan, lakarkan dan labelkan pintasan-  $x$  dan pintasan-  $y$  bagi  
*On separate diagrams, sketch and label  $x$ -intercept and  $y$ -intercept for*

(i)  $y = |g(x)|$

(ii)  $y = g^{-1}(x)$

(d) Nyatakan domain dan julat bagi fungsi songsang,  $g^{-1}(x)$ .

*State the domain and range of the inverse function,  $g^{-1}(x)$ .*

[TP4/PL4]

[10 markah/marks]



5. Suatu fungsi  $g$  ditakrifkan sebagai  $g : x \rightarrow \frac{x^2 - 1}{2}$ , for  $0 \leq x \leq 3$ .

(a) Pada satah yang sama, lakarkan graf bagi fungsi  $g$  dan  $g^{-1}$ .

*On the same plane, sketch the graph of function  $g$  and  $g^{-1}$ ,*

(b) Dengan menggunakan ujian garis mengufuk, terangkan kenapa  $g^{-1}$  wujud.

*Using horizontal line test, explain why  $g^{-1}$  exist.*

(c) Cari

*Find*

(i)  $g^{-1}$

(ii) domain dan julat bagi  $g^{-1}$ .

*domain and range of  $g^{-1}$ .*

[TP4/PL4]

[7 markah/marks]

6. Fungsi  $f$  ditakrifkan oleh  $f : x \rightarrow \frac{5x+2}{x-5}, x \neq 5$ .

*The function  $f$  is defined as  $f : x \rightarrow \frac{5x+2}{x-5}, x \neq 5$ .*

(a) Cari  $f^2$  dan seterusnya deduksikan  $f^{-1}$ ,

*Find  $f^2$  and hence deduce  $f^{-1}$ ,*

(b) Cari nilai  $f^{13}(2)$ .

*Find  $f^{13}(2)$ .*

[TP4/PL4]

[5 markah/marks]

7. Fungsi  $f$  ditakrifkan oleh  $f : x \rightarrow \frac{9}{x}, x \neq 0$ ,

*The function  $f$  is defined by  $f : x \rightarrow \frac{9}{x}, x \neq 0$ .*

(a) Ungkapkan  $f^2$  dan  $f^3$  dalam sebutan  $x$  / Express  $f^2$  and  $f^3$

(b) Seterusnya, cari ungkapan bagi  $f^{50}$  dan  $f^{51}$ .

*Hence, find the expression of  $f^{50}$  and  $f^{51}$ .*

[TP4/PL4]


[6 markah/ 6 marks ]

8. (a) Satu fungsi ditakrifkan oleh  $f : x \rightarrow -|2x - 7|$ . Lakarkan graf  $f$  bagi domain  $-2 \leq x \leq 5$  dan nyatakan julat yang sepadan dengan domain.

*The function is defined by  $f : x \rightarrow -|2x - 7|$ . Sketch a graph of  $f$  for domain  $-2 \leq x \leq 5$  and specify the corresponding range for that domain.*

- (b) Rajah 8 menunjukkan satu graf  $y = f(x)$  dengan keadaan  $f : x \rightarrow \frac{2x+3}{x+2}$  untuk  $-1.5 \leq x \leq 2$ .

*Diagram 8 shows a graph of  $y = f(x)$  such that  $f : x \rightarrow \frac{2x+3}{x+2}$  for  $-1.5 \leq x \leq 2$ .*



Rajah 8 / Diagram 8

Diberi bahawa  $f^{-1}$  wujud. Pada satah yang sama, lakarkan graf bagi  $f^{-1}$  dan seterusnya cari domain dan julat  $f^{-1}$ .

*It is given that  $f^{-1}$  exists. On the same plane, sketch the graphs of  $f^{-1}$  and hence find the domain and range of  $f^{-1}$ .*

[TP5/PL5]

[6 markah/ 6 marks ]

9. Satu fungsi ditakrifkan oleh  $f : x \rightarrow \frac{1-x}{1+x}, x \neq -1$ . Ungkapan dalam bentuk yang serupa bagi

*A function  $f$  is defined by  $f : x \rightarrow \frac{1-x}{1+x}, x \neq -1$ . Expression in a similar form for*

- (a)  $f^2$                       (b)  $f^3$                       (c)  $f^4$                       (d)  $f^{37}$

[TP4/PL4]

[7 markah/ 7 marks ]

10. Seramai 5 orang pekerja sebuah kilang telah disahkan positif sejenis virus. Pada hari berikutnya, seramai 14 orang pekerja lagi dilaporkan positif virus ini. Jadual 10 menunjukkan bilangan pekerja yang telah disahkan positif virus tersebut dalam tempoh 3 hari.

*5 factory workers were confirmed positive a type of virus. On the next day, another 14 workers reported positive. Table 10 shows the number of workers confirmed positive in 3 days.*

Masa, $t$ (hari) <i>Time, <math>t</math> (in days)</i>	1	2	3
Bilangan pekerja, $p$ <i>Number of workers, <math>p</math></i>	5	14	23

Jadual 10/ Table 10

- a) Menggunakan tatatanda fungsi, ungkapkan  $p$  dalam sebutan  $t$ .  
*Using the function notation, express  $p$  in terms of  $t$ .*
- b) Hitung bilangan pekerja yang mungkin dijangkiti virus ini pada hari ke tujuh.  
*Calculate the number of workers that will have this virus on the seventh day.*
- c) Bilakah virus ini dijangka akan menjangkiti sekurang-kurangnya 86 orang pekerja dalam sehari?  
*When the virus is suspected to infect at least 86 workers in a day?*

[TP6/PL6]

[6 markah/marks]

11. Fungsi  $f$  dan  $g$  ditakrifkan sebagai  $f : x \rightarrow 2x+1$  dan  $g : x \rightarrow \frac{5}{2x-7}, x \neq \frac{7}{2}$ . Cari  
*The functions  $f$  and  $g$  are defined by  $f : x \rightarrow 2x+1$  and  $g : x \rightarrow \frac{5}{2x-7}, x \neq \frac{7}{2}$ . Find*
- a) nilai  $x$  apabila ia dipetakan kepada diri sendiri di bawah fungsi  $f^2$   
*the value of  $x$  if it mapped onto itself under function  $f^2$ .*
- b)  $f^n(x)$  dengan keadaan  $n$  ialah suatu integer positif.  
 *$f^n(x)$  such that  $n$  is a positive integer.*
- c) fungsi gubahan  $gf$  dan nyatakan nilai  $x$  supaya  $gf$  tidak tertakrif,  
*composite function  $gf$  and state the value of  $x$  so that  $gf$  is undefined*
- d)  $h(x)$  dengan keadaan  $hg(x) = \frac{4x+1}{2x-7}$   
 *$h(x)$  if  $hg(x) = \frac{4x+1}{2x-7}$*

[TP4/PL4]

[7 markah/marks]

12. a) Satu fungsi  $g$  ditakrifkan oleh  $g(x) = ax^2 + bx + c$ , dengan keadaan  $a$ ,  $b$  dan  $c$  ialah pemalar. Di bawah fungsi itu, imej bagi 1 ialah  $-1$ , manakala objek-objek 0 dan 2 dipetakan kepada 0.

*Function  $g$  is defined by  $g(x) = ax^2 + bx + c$  where  $a$ ,  $b$  and  $c$  are constant. Under this function, the image of 1 is  $-1$ , while the objects 0 and 2 are mapped onto 0.*

- (i) Tunjukkan bahawa  $a = 1$ ,  $b = -2$  dan  $c = 0$

*Show that  $a = 1$ ,  $b = -2$  and  $c = 0$*

- (ii) Cari objek-objek yang dipetakan kepada diri sendiri di bawah fungsi  $g$  itu.

*Find the objects that mapped onto itself under function  $g$ .*

- b) Fungsi – fungsi  $f$ ,  $f^2$  dan  $g$  adalah ditakrifkan oleh  $f : x \rightarrow 3x - p$ ,

$$f^2 : x \rightarrow 9x - 8 \text{ dan } g : x \rightarrow x^2.$$

*The functions  $f$ ,  $f^2$  dan  $g$  are defined by  $f : x \rightarrow 3x - p$ ,  $f^2 : x \rightarrow 9x - 8$  and  $g : x \rightarrow x^2$ .*

- (i) Cari nilai  $p$ ,

*Find the value of  $p$ ,*

- (ii) Cari fungsi  $fg(x)$  dan  $gf(x)$ ,

*Find function  $fg(x)$  and  $gf(x)$ ,*

- (iii) Tunjukkan persamaan  $fg(x) = gf(x)$  mempunyai punca-punca yang sama.

*Show that equation  $fg(x) = gf(x)$  has equal roots.*

[TP5/PL5]

[10 markah/marks]



FUNGSI KUADRATIK / *QUADRATIC FUNCTIONS*

1. Nafis membeli sebuah kereta Perodua Aruz dengan harga RM75 500 pada tahun 2019. Harga keretanya menyusut pada kadar tetap  $x$  % setahun. Selepas dua tahun harga keretanya bernilai RM61 155.

*Nafis bought a Perodua Aruz car for RM75 500 in 2019. The price of his car declined at a fixed rate of  $x$  % per year. After two years, the price of his car was RM61 155.*

- a) Buktikan bahawa  $200x - x^2 = 1900$ ,  
*Prove that  $200x - x^2 = 1900$ ,*
- b) Seterusnya, cari nilai  $x$ .  
*Hence, find the value of  $x$ .*

[TP4/PL4]

[4 Markah/marks]

2. Lengkung bagi fungsi kuadratik  $f(x) = 3x^2 - 18x - 21$  bersilang dengan paksi- $x$  pada titik  $A$  dan  $B$ . Diberi bahawa  $f(x)$  boleh ditulis sebagai  $f(x) = m(x + p)^2 + q$ , dengan keadaan  $m$ ,  $p$  dan  $q$  ialah pemalar.

*The curve of a quadratic function  $f(x) = 3x^2 - 18x - 21$  intersects the  $x$ -axis at point  $A$  dan point  $B$ . It is given that  $f(x)$  can be written as  $f(x) = m(x + p)^2 + q$ , where  $m$ ,  $p$  and  $q$  are constants.*

- a) Cari / Find
- (i) koordinat titik  $A$  dan titik  $B$ ,  
*the coordinates of point  $A$  and point  $B$ ,*
  - (ii) nilai-nilai  $m$ ,  $p$  dan  $q$ ,  
*the values of  $m$ ,  $p$  and  $q$ ,*
  - (iii) koordinat titik pusingan.  
*the coordinates of the turning point.*

- b) Diberi  $g(x) = m_1(x + p_1)^2 + q_1$  mewakili pantulan bagi  $f(x)$  pada paksi- $x$ , nyatakan nilai-nilai  $m_1$ ,  $p_1$  dan  $q_1$ . Seterusnya, lakarkan graf bagi  $g(x) = m_1(x + p_1)^2 + q_1$  untuk  $-1 \leq x \leq 7$ .

*Given  $g(x) = m_1(x + p_1)^2 + q_1$  represents the reflection  $f(x)$  on the  $x$ -axis, state the values  $m_1$ ,  $p_1$  and  $q_1$ . Hence, sketch the graph of  $g(x) = m_1(x + p_1)^2 + q_1$  for  $-1 \leq x \leq 7$ .*

[TP4/PL4]

[10 Markah/marks]

3. Diberi  $f(x) = h + kx - x^2 = q - (x - p)^2$  untuk semua nilai  $x$ .

*Given  $f(x) = h + kx - x^2 = q - (x - p)^2$  for all values of  $x$ .*

a) Ungkapkan

*Express*

(i)  $p$  dalam sebutan  $k$ ,

*$p$  in terms of  $k$ ,*

(ii)  $q$  dalam sebutan  $h$  dan  $k$ .

*$q$  in terms of  $h$  and  $k$ .*

b) Garis lurus  $y = 30$  menyentuh lengkung  $f(x) = h + kx - x^2$  pada satu titik. Jika  $k = 10$ , nyatakan persamaan paksi simetri bagi lengkung itu. Seterusnya, lakarkan graf fungsi itu.

*The straight line  $y = 30$  touches the curve  $f(x) = h + kx - x^2$  at one point. If*

*$k = 10$ , state the equation of the axis of symmetry of the curve. Hence, sketch the graph of the function.*

[TP4/PL4]

[10 Markah/marks]

4. a) Buktikan bahawa persamaan kuadratik  $x^2 + 4kx + 3k^2 = 0$  mempunyai punca nyata bagi semua nilai  $k$ .

*Show that the quadratic equation  $x^2 + 4kx + 3k^2 = 0$  has real roots for all values of  $k$ .*

b) Graf bagi fungsi kuadratik  $f(x) = ax^2 + 2(a + b)x + (a - 3c)$  menyentuh paksi- $x$ . Cari julat bagi  $a$  dalam sebutan  $b$  dan  $c$ .

*The graph for the quadratic function  $f(x) = ax^2 + 2(a + b)x + (a - 3c)$  touches the  $x$ -axis. Find the range of the  $a$  in terms of  $b$  and  $c$ .*

[TP4/PL4]

[5 Markah/marks]

5. Diberi persamaan kuadratik  $m(x^2 + 9) = -3nx$  mempunyai dua punca nyata yang sama.  
*Given that the quadratic equation  $m(x^2 + 9) = -3nx$  has two equal roots.*

- a) Cari nisbah  $m : n$  ,  
*Find the ratio  $m : n$  ,*
- b) Seterusnya, selesaikan persamaan itu.  
*Hence, solve the equation.*

[TP4/PL4]

[6 Markah/marks]

6. Azlan ingin memagar dusun duriannya dengan menggunakan dawai pagar. Ukuran lebar kebun tersebut adalah kurang 5 m daripada dua kali ukuran panjangnya. Bidang tanah segi empat tepat mempunyai keluasan  $2275 \text{ m}^2$ . Harga pukal bagi segulung dawai pagar dengan panjang 10 m ialah RM 120, manakala harga runcit bagi 1 m ialah RM 13. Tentukan kos minimum, dalam RM, yang diperlukan untuk membeli dawai pagar itu.  
*Azlan wants to fence his durian orchard using a fencing wire. The width of the orchard is 5 m less than double its length. The plot of rectangular has an area of  $2275 \text{ m}^2$ . The bulk price of a roll of 10 m long fencing wire is RM 120, while the retail price for 1 m is RM 13. Determine the minimum cost, in RM, needed to buy the fencing wire.*

[TP5/PL5]

[5 Markah/marks]



7. Rajah 7 menunjukkan Helmi sedang menunggang sebuah motosikal.  
Diagram 7 shows Helmi riding a motorcycle.



Rajah 7 / Diagram 7

Halaju,  $v(t)$ , dalam  $\text{ms}^{-1}$ , motosikal Helmi yang bergerak pada suatu jalan yang lurus diberi oleh  $v(t) = 2t^2 - 8t + 20$  dengan keadaan  $t$  ialah masa, dalam saat, bermula dari bandar  $A$ .

The velocity,  $v(t)$ , in  $\text{ms}^{-1}$ , Helmi's motorcycle moving along a straight road is given by  $v(t) = 2t^2 - 8t + 20$  where  $t$  is in seconds starting from town  $A$ .

Cari / Find


- halaju awal motosikal Helmi dalam  $\text{kmj}^{-1}$ ,  
the initial velocity of Helmi's motorcycle in  $\text{kmh}^{-1}$ ,
- halaju minimum, dalam  $\text{kmj}^{-1}$  dan masanya yang berlaku, dalam saat,  
the minimum velocity, in  $\text{kmh}^{-1}$ , and the time for this to happen, in seconds,
- julat halajunya, dalam  $\text{ms}^{-1}$  bagi  $1 \leq t \leq 3$ .  
the range of the its velocity, in  $\text{ms}^{-1}$  for  $1 \leq t \leq 3$ .

[TP5/PL5]

[8 Markah/marks]

8. Rajah 8 menunjukkan seorang pemain bola sepak membuat lontaran ke dalam dari luar padang bola sepak.

*Diagram 8 shows a football player making a throw-in from off the football field.*



Rajah 8 / Diagram 8

Fungsi  $h(x) = -x^2 + 4x + 1.5$  mewakili ketinggian bola,  $h$ , dalam meter.

*The function  $h(x) = -x^2 + 4x + 1.5$  represents the height of a ball,  $h$ , in meters.*


*Cari / Find*

- a) tinggi awal apabila bola itu dilontar,  
*the initial high when the ball is thrown,*
- b) tinggi maksimum bola itu dilontar,  
*the maximum height of the ball is thrown,*
- c) jarak bola dari tepi padang apabila ia jatuh ke permukaan padang.  
*the distance of the ball from the edge of the field when it falls to the surface of the field.*

[TP5/PL5]

[8 Markah/marks]

9. Rajah 9 menunjukkan sebuah pintu di hadapan sebuah rumah.  
Diagram 9 shows a door in front of a house.



Rajah 9 / Diagram 9

Fungsi bentuk lengkung pintu dari  $A$  ke  $B$  diberi oleh  $f(x) = -\frac{1}{8}x^2 + x + 8$  dengan keadaan tinggi  $A$  dan  $B$  dari lantai adalah sama dan  $OA$  ialah paksi- $y$ .

The function of the door curve shape from  $A$  to  $B$  is given by  $f(x) = -\frac{1}{8}x^2 + x + 8$  where  $A$  and  $B$  are of equal height from floor and  $OA$  is the  $y$ -axis.


Cari / Find

- tinggi  $A$  dan  $B$  dari lantai dengan  $x$  diukur dalam meter,  
the height of  $A$  and  $B$  above the floor where  $x$  is measured in meters,
- tinggi maksimum pintu tersebut dari lantai,  
the maximum height of the door above the floor,
- lebar pintu tersebut.  
the width of the door.

[TP5/PL5]

[8 Markah/marks]

10. Rajah 10 menunjukkan sebuah roket air yang hendak dilancarkan dari puncak tebing. *Diagram 10 shows a water rocket to be launched from the top of a cliff.*



Rajah 10 / Diagram 10

Tinggi,  $h$  meter, roket itu di atas puncak tebing pada masa  $t$  saat selepas dilancarkan diberi oleh  $h = t(4 - t)$ .


*The height,  $h$  meters, of the rocket above the top of the cliff at time  $t$  seconds after launch is given by  $h = t(4 - t)$ .*

- Lakarkan graf fungsi  $h = t(4 - t)$  untuk domain  $0 \leq t \leq 5$ ,  
*Sketch a graph function of  $h = t(4 - t)$  for domain  $0 \leq t \leq 5$ ,*
- daripada graf, cari tinggi maksimum bagi roket tersebut di atas puncak tebing,  
*from graph, find the maximum height of the rocket above the top of the cliff,*
- julat masa di mana roket tersebut berada lebih daripada 3 meter di atas tebing,  
*the time interval for which the rocket was more than 3 metres above the cliff.*
- ungkapkan  $h = t(4 - t)$  dalam bentuk  $h(t) = a(t + m)^2 + n$ , dengan keadaan  $a$ ,  $m$  dan  $n$  adalah pemalar. Seterusnya, cari nilai  $m$  dan  $n$ .  
*express  $h = t(4 - t)$  in the form of  $h(t) = a(t + m)^2 + n$ , where  $a$ ,  $m$  and  $n$  are constants. Hence, state the value of  $m$  and of  $n$ .*

TP5/PL5]

[10 Markah/marks]

11. Rajah 11 menunjukkan dua buah kolam yang hendak dibina oleh Yusri di hotel miliknya. Kolam tersebut berbentuk sukuan bulatan berjejari 3m dan berbentuk bulatan berjejari  $r$  m. *Diagram 11 shows two ponds that Yusri wants to build in his hotel. The pool is a quarter circle with a radius of 3m and a circle with a radius of  $r$  m.*



Rajah 11 / Diagram 11

Kolam berbentuk bulat itu bercantum dengan kolam berbentuk sukuan bulatan dan pinggir segi empat tepat. Kos untuk membuat kolam dianggarkan RM500/m<sup>2</sup>. [Guna  $\pi = 3.142$ ]  
*The round-shaped pool is joined by a quarter-circle-shaped pool and a rectangular edge. The cost to make the pool is estimated at RM500/m<sup>2</sup>. [Use  $\pi = 3.142$ ]*

*Cari/Find*

- nilai  $r$   
*value of  $r$*
- kos keseluruhan, dalam RM, untuk membina kedua-dua kolam tersebut betul kepada RM terhampir.  
*the total cost, in RM, to build the two ponds correct to the closest RM.*

[TP6/PL6]  
[7 markah/marks]

12. Rajah 12 menunjukkan dua buah buaian yang terdapat di sebuah padang permainan.  
*Diagram 12 shows two swings found in a playground.*



Rajah 12 / Diagram 12

Ayunan buaian pertama mengikut fungsi kuadratik  $h(t) = 2(t-4)^2 + 2$  manakala ayunan buaian kedua,  $m(t) = 2h(t) - 2$ .

*The swing of the first swing follows a quadratic function  $h(t) = 2(t-4)^2 + 2$  while the swing of the second swing,  $m(t) = 2h(t) - 2$*

- a) Pada paksi yang sama, lakarkan graf  $h(t)$  dan  $m(t)$ ,  
*On the same axis, sketch the graph of  $h(t)$  and  $m(t)$ ,*
- b) Berdasarkan lakaran graf tersebut, buaian yang manakah mempunyai ayunan yang lebih tinggi semasa dilepaskan. Nyatakan alasan anda  
*Based on the sketch of the graph, which swing has the higher swing when released. Give your reason.*

[TP5/PL5]  
 [4 markah/marks]

13. Fungsi  $f(x) = -x^2 + 4mx - 5m^2 - 1$ , mempunyai nilai maksimum  $-n^2 - 2m$ , dengan keadaan  $m$  dan  $n$  adalah pemalar.  
*The function  $f(x) = -x^2 + 4mx - 5m^2 - 1$ , has a maximum value of  $-n^2 - 2m$ , where  $m$  and  $n$  are constants.*

- a) Dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua, tunjukkan bahawa  $n = m - 1$ .  
*By using completing the square method, show that  $n = m - 1$ .*
- b) Seterusnya, atau dengan cara lain, cari nilai bagi  $m$  dan  $n$  jika graf bagi fungsi itu simetri pada  $x = n^2 - 1$  dengan keadaan  $m \neq 0$   
*Hence, or otherwise, find the value of  $m$  and of  $n$  if the graph of the function is symmetrical about  $x = n^2 - 1$ , such that  $m \neq 0$*

[TP4/PL4]

[6 markah/marks]

SISTEM PERSAMAAN / *SYSTEM OF EQUATION*

1. Rajah 1 menunjukkan sebuah lori bergerak pada laju purata  $u \text{ kmj}^{-1}$  bagi 90 km pertama dan  $v \text{ kmj}^{-1}$  bagi 60 km berikutnya dalam satu perjalanan. Jumlah masa perjalanan yang diambil ialah 2.7 jam.

*Diagram 1 shows a lorry travel at an average speed of  $u \text{ kmh}^{-1}$  for the first 90 km and  $v \text{ kmh}^{-1}$  for the next 60 km in a journey. The total time taken for the journey is 2.7 hours.*



Rajah 1 / *Diagram 1*

- a) Tunjukkan bahawa  $200u + 300v = 9uv$   
*Show that  $200u + 300v = 9uv$*
- b) Diberi bahawa purata laju bagi bahagian pertama perjalanan melebihi bahagian kedua sebanyak  $10 \text{ kmj}^{-1}$ , cari nilai  $u$  dan nilai  $v$ .  
*Given that the average speed of the first part of the journey is more than the average speed of the second part of the journey by  $10 \text{ kmh}^{-1}$ , find the values of  $u$  and  $v$ .*

[TP5/PL5]

[7 Markah/marks]



2. Adam melabur duit pusaka yang berjumlah RM 120,000 dalam 3 Unit Amanah berbeza iaitu A, B dan C yang mempunyai kadar pulangan tahunan masing-masing sebanyak 3%, 4% dan 7%. Adam melabur RM 40,000 lebih dalam unit Amanah C melebihi Unit amanah B. Jumlah pulangan pelaburan yang diperolehi dalam setahun ialah RM 6,700. Berapakah amaun yang dilaburkan dalam setiap Unit Amanah.

*Adam invested his inheritance of RM 120,000 in three different Unit Trust A, B and C and the return is 3%, 4% and 7% respectively. Adam invested RM 40,000 more in Unit Trust C than he invested in Unit trust B. The total interest earned in one year was RM 6,700.*

*How much did he invest in each type of Unit Trust.*

[TP5/PL5]

[5 markah/marks]

3. Haziq ingin menonton wayang STAR WARS. Penjual tiket memaklumkan kepadanya bahawa 1000 keping tiket telah dijual dan RM 10,700 telah dikutip.  
*Haziq would like to watch STAR WARS movie. The receptionist told her that 1000 tickets were sold and RM 10,700 was collected.*

<b>DEWASA / ADULT</b>	<b>RM 12.50</b>
<b>KANAK-KANAN / CHILDREN</b>	<b>RM 6.50</b>




Berapakah bilangan tiket dewasa dan tiket kanak-kanak yang telah dijual bagi setiap kategori?

*How many tickets of adults and children were sold for each category?*

[TP6/PL6]

[5 Markah/marks]

4. Rajah 4 dibawah menunjukkan sebuah tanah ladang milik Manan yang berbentuk segi tiga MNT yang di tanam dengan pokok kelapa sawit sebagai tanaman utama dan tanaman sampingan adalah nanas. Diberi bahawa  $MN + NT = 32$  km dan  $MN = y$  km.  
 Diagram 4 below shows Manan's orchard in a triangle shape MNT with palm oil as a main plant and side plant is pineapples. It is given that  $MN + NT = 32$  km and  $MN = y$  km.



Rajah 4 / Diagram 4

Cari nilai bagi  $x$  dan  $y$ . Seterusnya cari luas kawasan tanaman utama ladang Manan.  
 Find the values of  $x$  and  $y$ . Hence find the area of main plant of Manan orchard.

[TP6/PL6]

[6 Markah/marks]

5. Sarah menjual gambar di pameran seni. Dia meletakkan harga gambar mengikut ukuran gambar iaitu gambar kecil RM 10, gambar sederhana RM 15 dan gambar besar RM 40. Dia biasanya menjual banyak gambar saiz kecil dan jumlahnya adalah gabungan gambar saiz sederhana dan saiz besar. Dia juga menjual gambar saiz sederhana dua kali ganda lebih daripada gambar besar. Kos gerai di pameran seni tersebut ialah RM 300.

*Sarah sells photographs at art fairs. She prices the photos according to size. Small photos costs RM 10, medium photos costs RM 15 and large photos costs RM 40. Usually, she sells as many small photos as medium and large photos combined. She also sells twice as many medium photos as large. A booth at the art fair costs RM 300.*



Jika jualan berjalan seperti biasa, berapa banyak saiz setiap gambar yang harus dia jual supaya dia dapat membayar kos gerainya.

*If her sales go as usual, how many of each size photo must she sell to pay for the cost of her booth?*

[TP5/PL5]

[5 Markah/marks]

6. Rajah 6 menunjukkan Danial , Muhaimin dan Haziq membeli beberapa item untuk sambutan hari jadi rakan mereka. Danial, Muhaimin dan Haziq masing-masing membelanjakan RM 56.00, RM 77.00 dan RM 83.00.  
 Diagram 6 shows Danial, Muhaimin and Haziq bought some items for their friend's birthday party. Danial, Muhaimin and Haziq spend RM 56.00, RM 77.00 and RM 83.00 respectively.

		
<p>Danial</p>	<p>Muhaimin</p>	<p>Haziq</p>


Rajah 6 / Diagram 6

Cari harga seunit bagi setiap jenis barang yang dibeli.  
 Find the unit price of each type of item purchased.

[TP5/PL5]  
 [5 Markah/marks]

7. Rajah 7 menunjukkan persilangan antara lengkung  $y = (x + 1)(x^2 - 6x + 8)$  dan garis lurus  $y = 4x - 16$ .


*Diagram 7 shows the intersections of the curve  $y = (x + 1)(x^2 - 6x + 8)$  and the straight line  $y = 4x - 16$ .*



Cari koordinat bagi titik-titik persilangan itu  
*Find the coordinates of the points of intersections*

[TP5/PL5]  
[5 Markah/marks]

8. Rajah 8 menunjukkan anak-anak En. Abdul Manan iaitu Adam, Danial dan Muhaimin.  
*Diagram 8 shows the children of En. Abdul Manan namely Adam, Danial and Muhaimin.*



Rajah 8 / Diagram 8

Jumlah umur anak-anaknya ialah 27 tahun. Beza umur Adam dengan hasil tambah umur Danial dan Muhaimin ialah 9 tahun. Gabungan tiga kali umur Danial dan dua kali umur Muhaimin melebihi umur Adam sebanyak 6 tahun. Bentukkan tiga persamaan berdasarkan maklumat di atas. Seterusnya cari umur Adam, Danial dan Muhaimin.

*The total age of his sons is 27 years. The difference between Adam's age and the sum of Danial's and Muhaimin's age is 9 years. The combination of three times Danial's age and twice Muhaimin's age exceed Adam's age by 6 years. Form three equations based on the above information. Hence find the age of Adam, Danial dan Muhaimin.*

[TP6/PL6]

[5 Markah/marks]

9. Rajah 9 menunjukkan Haziq sedang mengendalikan kapal layarnya dalam pertandingan *Monsoon Cup* di Terengganu.  
*Diagram 9 shows Haziq handling his yacht in the Monsoon Cup competition in Terengganu.*



Rajah 9 / Diagram 9

Lokus kapal layarnya ialah  $5x^2 + y^2 - 3xy = 15$ . Kapal layarnya mengalami kerosakan dan meminta bot peronda keselamatan yang bergerak secara garis lurus  $4x + y = 9$  untuk mendapatkan bantuan. Nyatakan titik-titik pertembungan antara kapal layar Haziq dan bot peronda keselamatan.

*The locus of his yacht is  $5x^2 + y^2 - 3xy = 15$ . His yacht suffered damage and he asked for a safety patrol boat moves in a straight line with  $4x + y = 9$ . State the points of intersection between Haziq's yacht and safety patrol boat.*

[TP6/PL6]

[6 Markah/marks]



## INDEKS, SURD DAN LOGARITMA / INDICES, SURDS AND LOGARITHM

1. a) Diberi  $2^p = m$ ,  $2^{4q} = n$  dan  $2^{p+4q} = 16 + 16^p$ . Ungkapkan  $n$  dalam sebutan  $m$ .  
*Given  $2^p = m$ ,  $2^{4q} = n$  and  $2^{p+4q} = 16 + 16^p$ . Express  $n$  in terms of  $m$ .*
- b) Selesaikan persamaan  $2x - 3\sqrt{3} = 1 - x\sqrt{3}$ . Berikan penyelesaian anda dalam bentuk  $x = a + b\sqrt{3}$  dengan keadaan  $a$  dan  $b$  adalah pemalar.  
*Solve the equation  $2x - 3\sqrt{3} = 1 - x\sqrt{3}$ . Give your solution in the form of  $x = a + b\sqrt{3}$  where  $a$  and  $b$  are integers.*
- c) Diberi  $\log_x 2 = a$  dan  $\log_x 3 = d$  ungkapkan  $\log_x \left[ \frac{\sqrt{32x^3}}{27} \right]$  dalam sebutan  $a$  dan  $d$ .  
*Given  $\log_x 2 = a$  and  $\log_x 3 = d$  express  $\log_x \left[ \frac{\sqrt{32x^3}}{27} \right]$  in terms of  $a$  and  $d$ .*

[TP 4 / PL 4]

[8 markah/marks]

2. a) Selesaikan persamaan serentak berikut  $2^{x+1} \times 4^{y-1} = 4$  dan  $25^x \times 5^y = 125$  dengan keadaan  $x$  dan  $y$  adalah pemalar  
*Solve the following simultaneous equation  $2^{x+1} \times 4^{y-1} = 4$  and  $25^x \times 5^y = 125$  where  $x$  and  $y$  are constant*
- b) Cari penyelesaian positif bagi persamaan  $(9 + \sqrt{5})x^2 + (5 - 2\sqrt{5})x - 5 = 0$ .  
 Beri jawapan anda dalam bentuk  $a + b\sqrt{5}$ .  
*Find the positive solution of the equation  $(9 + \sqrt{5})x^2 + (5 - 2\sqrt{5})x - 5 = 0$   
 Give your answer in the form of  $a + b\sqrt{5}$ .*

[TP 5 / PL 5]

[8 markah/marks]



3. a) Selesaikan persamaan/*Solve the equation*

$$\ln(y + 2) + \ln(y + 1) = \ln(4y + 14)$$

- b) Permudahkan / *Simplify*

$$\frac{1}{5 + \sqrt{2}} + \frac{\sqrt{2} - 1}{3 - 2\sqrt{2}}$$

[TP 4 / PL 4]

[6 markah/marks]

4. a) Muhaimin membeli sebidang tanah dengan harga RM 80,000. Selepas tanah itu dibeli, nilainya meningkat sebanyak 8.5% setiap tahun. Nilai tanah selepas  $t$  tahun dikenalpasti dari formula ialah  $S = f(1 + r)^t$  dengan keadaan  $f$  ialah harga permulaan tanah dan  $r$  ialah kadar peningkatan harga tanah setiap tahun. Tentukan harga tanah Muhaimin selepas 10 tahun.

*Muhaimin bought a plot of land for RM 80,000. After the land is purchased, the value is increase 8.5% every year. The land value after  $t$  years can be determined by the formula  $S = f(1 + r)^t$  where  $f$  is the initial investment value and  $r$  is the the rate of annual increment of the land. Determine the value of Muhaimin's land after 10 years.*

- b) Diberi  $\log_p x = m$ ,  $\log_{\sqrt{p}} y = n$  dan  $p > 0$

*Given  $\log_p x = m$ ,  $\log_{\sqrt{p}} y = n$  and  $p > 0$*

- i) Ungkapkan  $xy$  dan  $\frac{x}{y}$  dalam bentuk indeks dengan asas  $p$ .

*Express  $xy$  and  $\frac{x}{y}$  in index form with base  $p$ .*

- ii) Seterusnya, jika  $p = 3$ , hitung nilai  $m$  dan nilai  $n$  apabila  $xy = 243$  dan

$$\frac{x}{y} = 27$$

*Hence, if  $p = 3$ , calculate the value of  $m$  and of  $n$  when  $xy = 243$  and*

$$\frac{x}{y} = 27$$

[TP 5 / PL 5]

[6 Markah/Marks]

5. a) Diberi bahawa  $x = \ln p$ , dengan keadaan  $p$  ialah integer positif, merupakan penyelesaian bagi persamaan  $2e^x + e^{2x} = 8$ . Cari nilai  $p$ .  
*Given that  $x = \ln p$ , where  $p$  is a positive integer, is the solution to the equation  $2e^x + e^{2x} = 8$ . Find the value of  $p$ .*
- b) Rajah 5 menunjukkan rumput tiruan yang dibeli Sarah untuk hiasan halaman rumahnya yang berbentuk segiempat tepat. Panjang halaman rumah adalah kuasa dua lebarnya. Diberi bahawa lebar rumput tiruan yang di perlukan adalah  $(5 - \sqrt{2})$ .  
 Diagram 5 shows the artificial grass that Sarah bought for the decoration of her rectangular yard. The length of the yard is the square of the width. Given that the required width of artificial grass is  $(5 - \sqrt{2})$ .




Rajah 5 / Diagram 5

- Cari luas halaman rumah Sarah dalam sebutan surd.  
*Find the area of yard of Sarah's house in terms of surd.*
- c) Danial menyimpan RM 30 000 di sebuah bank. Selepas  $n$  tahun wang simpanannya menjadi  $30000(1.08)^n$ . Cari bilangan tahun apabila wang simpanannya akan melebihi RM 75 000 buat kali pertama.  
*Danial deposited RM 30 000 in a bank. After  $n$  years his saving will become  $30000(1.08)^n$ . Find the number of years when his savings will exceed RM 75 000 for the first time.*

[TP4/PL4]  
 [8 markah/marks]

6. Rajah 6 menunjukkan sebuah segi tiga PQR yang terletak di dalam sebuah segi tiga PQS.  
Diagram 6 shows a triangle PQR located inside a triangle PQS.



Rajah 6 / Diagram 6


Diberi luas, dalam  $\text{cm}^2$ , kawasan berlorek ialah  $\frac{a}{b}\sqrt{7} \text{ cm}^2$  dengan keadaan  $a$  dan  $b$  adalah integer positif. Cari nilai  $a$  dan nilai  $b$ .

Given the area, in  $\text{cm}^2$ , of the shaded area is  $\frac{a}{b}\sqrt{7} \text{ cm}^2$  where  $a$  and  $b$  are positive integers. Find the value of  $a$  and of  $b$ .

[TP4/PL4]

[4 markah/marks]

7. Rajah 7 menunjukkan sebiji dadu yang dimasukkan ke dalam sebuah bekas berbentuk sfera dengan keadaan setiap bucu dadu menyentuh permukaan sfera tersebut.  
*Diagram 7 shows a dice placed in a spherical container with each corner of the dice touching the surface of the sphere.*




Rajah 7 / Diagram 7

Diberi panjang sisi dadu ialah  $3\sqrt{x}$  cm. Buktikan bahawa diameter sfera ialah  $3\sqrt{3x}$  cm.  
*Given the length of the side of the cube is  $3\sqrt{x}$  cm. Prove that the diameter of the sphere is  $3\sqrt{3x}$  cm.*

[TP5/PL5]  
[4 markah/marks]

8. Rajah 8 menunjukkan susunan 6 batang saluran paip dengan jejari setiap saluran paip  $x$  cm.  
Diagram 8 shows the arrangement of 6 pipeline rods with the radius of each pipeline  $x$  cm.



Rajah 8 / Diagram 8

Diberi bahawa tinggi susunan ialah  $\frac{\sqrt{2} + \sqrt{x}}{k}$ . Ungkapkan  $k$  dalam sebutan  $x$ .

Given that the vertical height of the arrangement is  $\frac{\sqrt{2} + \sqrt{x}}{k}$ . Express  $k$  in terms of  $x$ .

[TP5/PL5]


[4 markah/marks]



**JANJANG / PROGRESSION**

1. Rajah 1 menunjukkan 33 keping kad-kad bernombor yang dikeluarkan dari suatu dek dan disusun untuk membentuk suatu janjang aritmetik.

*Diagram 1 shows 33 pieces of numbered cards drawn from a deck and arranged to form an arithmetic progression.*



Rajah 1 / Diagram 1

Diberi kad  $P$ ,  $Q$  dan  $R$  terletak di tengah-tengah susunan dan kad  $X$ ,  $Y$  dan  $Z$  merupakan tiga kad terakhir. Cari hasil tambah nombor-nombor yang terdapat pada semua kad tersebut.

*Given the cards  $P$ ,  $Q$  and  $R$  are located in the middle of the arrangement and cards  $X$ ,  $Y$  and  $Z$  are the last three cards. Find the sum of the numbers on all the cards.*

[TP 4/PL4]  
[6 markah/marks]

2. Seorang tukang kayu ingin membina tangga dengan tujuh anak tangga, seperti dalam Rajah 2. Panjang anak tangga berkurang secara seragam dari 60 cm pada anak tangga pertama ke 55.5 cm pada anak tangga teratas.

*A carpenter wants to build a stair with seven rungs, as in Diagram 2. The length of the rung decreases uniformly from 60 cm on the first rung to 55.5 cm on the top rung.*



Rajah 2 / Diagram 2


Cari panjang keseluruhan kayu yang diperlukan untuk semua anak tangga.

*Find the total length of wood needed for all the rungs.*

[TP 4/PL4]  
[4 markah/marks]

3. Sahidah menyusun kad segitiga sama seperti yang ditunjukkan dalam rajah. Dia meletak 37 kad kuning pada baris paling bawah dalam satu baris . Baris seterusnya disusun mengikut pola seperti dalam Rajah 3.

*Sahidah arranges the equilateral triangles cards as shown in the diagram. She puts 37 cards in a row of the bottom row. The next row on top of it is arranged in the pattern as shown in Diagram 3.*




Rajah 3/ Diagram 3

- Kira bilangan baris diperlukan untuk sampai ke baris yang paling tinggi.  
*Calculate how many rows is needed to reach the highest row.*
- Cari jumlah bilangan kad digunakan untuk susunan ini.  
*Find the total number of cards used for this arrangement.*
- Baris paling bawah terdiri daripada kad berwarna kuning, baris kedua berwarna biru, baris ketiga berwarna hijau dan pola ini diteruskan, apakah warna bagi kotak pada baris paling tinggi?  
*The bottom row has yellow cards, the second row is blue, the third row is green and this pattern is continued, what is the colour of the cards at the highest row?*

[TP 4/PL4]  
[8 markah/marks]

4. Rajah 4 menunjukkan sebuah bandul mula berayun dengan panjang lengkok 38 cm.  
*Diagram 4 shows a pendulum starts to swing through an arc of 38 cm*



Rajah 4 / Diagram 4


Setiap ayunan bandul, panjang lengkok ialah 98% daripada panjang lengkok yang sebelumnya.  
*. On each successive swing, the length of the arc is 98% of the previous length.*

- a) Cari jumlah jarak yang telah diayunkan oleh bandul selepas 10 ayunan.  
*Find the total distance that the pendulum would have swung after 10 swings.*
- b) Apabila bandul berhenti, cari jumlah jarak yang telah diayunkan olehnya.  
*When pendulum stops, find the total distance that the it swings.*

[TP 4/PL4]  
[5 markah/marks]



5. Satu bulatan dengan jejari 15 cm dibahagikan kepada 6 sektor, seperti dalam Rajah 5, dengan keadaan sudut sektor-sektor membentuk jajang geometri  
*A circle with a radius of 15 cm is divided into 6 sectors, as shown in Diagram 5, such that the angles of the sectors form a geometric progression.*



Rajah 5 / Diagram 5

Diberi bahawa luas bagi sektor yang terbesar ialah 32 kali luas sektor yang terkecil. Cari luas, dalam sebutan  $\pi$ , bagi sektor yang terbesar.

*Given that the area of the largest sector is 32 times the area of the smallest sector. Find the area, in terms of  $\pi$ , of the largest sector.*

[TP 4/PL4]  
 [6 markah/marks]

6. Steven ingin membeli satu komputer Jenama X di sebuah kedai komputer. Harga jualan komputer adalah RM6546.99 tetapi dia tidak mampu. Pengurus kedai itu menawarkannya untuk membayar secara ansuran bulanan. Terdapat dua pilihan bayaran ansuran seperti dalam Jadual 6.

*Steven wants to buy a computer of Brand X in a computer shop. The selling price of the computer is RM 6546.99 and he cannot afford it. The manager of the shop offered him to pay by monthly installment. There are two options to choose for the installment as shown in Table 6.*

Pilihan 1 / Option 1	Pilihan 2 / Option 2
<p>Bayaran bulanan secara ansuran selama satu tahun dengan bayaran permulaan RM270 dan bertambah 13% setiap bulan daripada bayaran pada bulan sebelumnya.</p> <p><i>Monthly installment for one year with starting payment of RM 270 and an increment of 13% for every successive month.</i></p>	<p>Bayaran bulanan secara ansuran selama dua tahun dengan bayaran permulaan RM290 dan bertambah RM1 setiap bulan daripada bayaran pada bulan sebelumnya.</p> <p><i>Monthly installment for two years with starting payment of RM 290 and an increment of RM 1 for every successive month.</i></p>

Jadual 6 / Table 6


- a) Jika Steven memilih Pilihan 1, hitungkan jumlah yang perlu dibayarnya bagi bayaran bulan terakhir.  
*If Steven selects Option 1, calculate the amount paid for the last payment.*
- b) Hitung jumlah yang perlu dibayar bagi Pilihan 1 dan Pilihan 2  
*Find the total amount paid for Option 1 and Option 2.*
- c) Jika Steven mempunyai gaji bulanan dan belanja bulanan RM2500 dan RM2000 masing-masing, pilihan mana yang lebih sesuai buat Steven? Justifikasikan jawapan anda.  
*If Steven's monthly salary and expenses are RM2500 and RM2000 respectively, which option is more suitable to Steven? Justify your answer.*

[TP5/PL5]

[8 markah/marks]

7. Rajah 7 menunjukkan suatu corak tersusun yang dibentuk dengan mewarnakan segitiga-segitiga. Corak pertama terdiri daripada satu segiempat sama dan dibahagikan kepada dua segitiga yang kongruen. Corak ini diulang seperti dalam Corak 2, Corak 3, Corak 4 and seterusnya.

*Diagram 7 shows an arranged pattern formed by coloring triangles. The first pattern consists of a square and is divided into two congruent triangles. This pattern is repeated as in the Pattern 2, Pattern 3, Pattern 4 and so on.*



Rajah 7 / Diagram 7

- a) Diberi panjang sisi segiempat sama ialah 1 m, tentukan luas kawasan berlorek bagi Corak 2 and Corak 3.  
*Given the side of the square is 1 m, determine the area of the shaded region for Pattern 2 and Pattern 3.*
- b) Seterusnya, tentukan luas kawasan berlorek bagi corak ke- $n$ .  
*Hence, determine the area of the shaded for Pattern  $n$ .*
- c) Jika corak tersebut diteruskan tanpa henti, hitungkan jumlah luas kawasan berlorek bagi corak yang terakhir.  
*If the pattern is continued indefinitely, calculate the total shaded region for the last pattern.*

[TP6/PL6]  
 [8 markah/marks]



HUKUM LINEAR / *LINEAR LAW*

1. Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah  $x$  dan  $y$ , yang diperolehi daripada satu ujikaji. Pemboleh ubah  $x$  dan  $y$  dihubungkan oleh persamaan  $y = he^{k(x^2-6x+9)}$  dengan keadaan  $h$  dan  $k$  ialah pemalar.

*Table 1 shows the values for the two variables  $x$  and  $y$ , obtained from one experiment. The variables  $x$  and  $y$  are related by equations  $y = he^{k(x^2-6x+9)}$  such that  $h$  and  $k$  are constants.*

$x$	3.84	4.39	4.84	4.92	5.13
$y$	0.21	3.03	44.31	99.42	322.66

Jadual 1 / Table 1

- a) Plot  $\ln y$  melawan  $(x-3)^2$  dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada kedua-dua paksi. Seterusnya, lukiskan garis lurus penyuaian terbaik.

*Plot  $\ln y$  against  $(x-3)^2$  by using the scale of 2 cm to 1 unit on both axes. Hence, draw the line of best fit.*

- b) Gunakan graf anda di (a) untuk mencari nilai

*Use your graph in (a) to find the values of*


(i)  $h$

(ii)  $k$

(iii)  $y$  apabila  $x = 4.5$  /  $y$  when  $x = 4.5$

[TP5/PL5]

[10 markah/marks]



2. Pada tahun 1619, Johannes Kepler mendapati wujud perkaitan di antara purata jarak, dalam AU, planet-planet dari Matahari dengan tempoh masa, dalam tahun, planet-planet tersebut mengelilingi Matahari pada orbit masing-masing dalam satu kitaran. Hubungan di antara purata jarak,  $x$  dan tempoh,  $y$  diberikan oleh  $y^2 = ax^n$ . Jadual 2 menunjukkan hasil pencerapan yang dibuat oleh seorang pengkaji untuk menentusahkan teori yang diutarakan oleh Johannes Kepler.

*In 1619, Johannes Kepler found that there was a correlation between the average distance, in AU, of the planets from the Sun and the period of time, in years, the planets orbited the Sun in their respective orbits in one cycle. The relationship between the mean of the distance,  $x$  and the period,  $y$  is given by  $y^2 = ax^n$ . Table 2 shows the results of observations made by a researcher to verify the theory put forward by Johannes Kepler.*


Planet Planet	Utarid Mercury	Zuhrah Venus	Bumi Earth	Marikh Mars	Musytari Jupiter	Zuhal Saturn
Purata Jarak, $x$ (dalam AU) Mean Distance, $x$ (in AU)	0.387	0.723	1.0	1.523	5.203	9.541
Tempoh, $y$ (dalam Tahun) Period, $y$ (in Years)	0.241	0.615	1.0	1.881	11.861	29.457

Jadual 2 / Table 2

- a) Plot  $\log_{10} y$  melawan  $\log_{10} x$  dengan menggunakan skala 2 cm kepada 0.3 unit pada kedua-dua paksi. Seteruskan lukiskan garis lurus penyuaian terbaik.  
*Plot  $\log_{10} y$  against  $\log_{10} x$  by using the scale of 2 cm to 0.5 units on both axes. Hence, draw the straight line of best fit.*
- b) Gunakan graf anda di (a) untuk mencari nilai  $a$  dan  $n$ .  
*Use your graph in (a) to find the value of  $a$  and of  $n$ .*
